

# UniMAP-TalentCorp anjur Program Ind-E-Zone



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah menganjurkan Program Industrial Engagement Zone (Ind-E-Zone) UniMAP – TalentCorp yang berlangsung pada 27 Januari 2015 di Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, Kampus Induk UniMAP Pauh Putra. Program ini adalah program yang berterusan di mana ianya bertindak sebagai pusat sehenti kerjaya yang menghubungkan pelajar dengan industri.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jeneral Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, pusat ini diletakkan di kawasan tumpuan dalam kampus yang membolehkan penyaluran maklumat dapat dilakukan dengan mudah dan cepat. Pusat ini juga akan menawarkan pelbagai aktiviti seperti Hubungan Industri (Industry Engagements), Sesi Rangkaian (Networking Sessions), Ceramah Kerjaya dan Sesi Perkongsian dengan majikan bagi membantu pelajar membuat keputusan yang lebih bijak dalam kerjaya mereka.